

## BAB I

### 1.0 PENGENALAN

Pemahaman terhadap makna fasiq serta penjelasan berkaitan dapat dirujuk kepada pendapat para sarjana Islam. Dalam bab ini, perbincangan ditumpukan kepada tiga aspek utama iaitu: **Pertama:** Konsep dan hakikat fasiq berdasarkan al-Quran, sunnah dan pendapat ulama. **Kedua:** Haiwan fasiq dari perspektif sains biologi, spesies dan jenis. **Ketiga:** Perkaitan antara haiwan perosak dan haiwan fasiq. Perincian terhadap tiga aspek utama ini sangat penting agar dapat difahami definisi fasiq dan kelompok haiwan-haiwannya serta skop perbahasannya. Pada masa sama dapat mengabaikan aspek yang tidak menjadi fokus perbincangan.

### 1.1 KONSEP DAN PENGERTIAN HAIWAN FASIQ

Dalam memahami istilah fasiq, perbincangan tertumpu kepada penjelasan kalimah fasiq dari sudut bahasa dan istilah berdasarkan pandangan dikemukakan para ulama serta penjelasan dari pihak pengkaji sendiri.

#### 1.1.1 Fasiq Dari Sudut Bahasa

Dari sudut etimologi, kata “*fasiq*” berasal daripada wazan *fasaqa-yafsiqu/yafsuqu-fisqan-fusūqan* (فَسَقَ - يَفْسِيقُ وَيَفْسُقُ - فَسَقًا وَفُسُوقًا)<sup>29</sup> Menurut bahasa Arab, fasiq (*al-fisq*) mempunyai beberapa maksud iaitu:

---

<sup>29</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t), 5: 3413-3414.

**Pertama:** keluar dari sesuatu, “*al-khurūj ‘an asy-shay’i*” (الخُرُوجُ عَنِ الشَّيْءِ).

Dikatakan “*Fasaqat al-Ruṭbah*”- (فَدَّ فَسَقَتِ الرُّطْبَةُ مِنْ قَشْرِهَا) iaitu keluar kurma dari kulitnya.

**Kedua:** menyimpang dari sesuatu perkara atau perintah, “*al-khurūj ‘an al-amr*” (الخُرُوجُ عَنِ الْأَمْرِ).

**Ketiga:** keluar dari kebenaran “*al-khurūj ‘an al-Haq*” (الخُرُوجُ عَنِ الْحَقِّ). **Keempat:**

menghabiskan atau membelanjakan, “*Fasaqa fulān mālahu* (فَسَقَ فُلَانٌ مَالَهُ) - maknanya si

fulan membelanjakan hartanya.”<sup>30</sup> **Kelima:** menyimpang dari syariat agama dan

cenderung pada kemaksiatan sebagaimana Iblis melanggar perintah Allah SWT, iaitu

kufur kepada-Nya. Firman Allah SWT:

فَفَسَقَ عَنْ أَمْرِ رَبِّهِ

Al-Kahfi 18: 50

Terjemahan: “*Mereka kemudian berbuat fasiq terhadap perintah Tuhannya.*”

Dalam ayat tertera, frasa “*berbuat fasiq terhadap perintah Tuhannya*” bererti

keluar dari ketaatan kepada-Nya.<sup>31</sup> **Keenam:** orang yang melakukan dosa besar atau

melazimi dosa kecil.<sup>32</sup> Sedangkan munafik adalah sebutan untuk orang yang melakukan

perbuatan berpura-pura. Mereka adalah golongan pada zahirnya menampakkan

keimanan padahal batinnya kufur. Inilah yang disebut *nifāq*.

Dari penjelasan di atas, *fasiq* dan *munafik* keduanya merupakan lorong

kemaksiatan kepada Allah SWT. *Munafik* dan *kafir* keduanya tergolong dalam

<sup>30</sup> *Ibid.*, 5: 3414.

<sup>31</sup> *Ibid.*, 5: 3414.

<sup>32</sup> Hāmid Sādiq Qanībī dan Muhammad Rawās Qal’ah Jī, *Mu’jam Lughah al-Fuqahā’* (Beirut-Lubnan: Dār al-Nafā’is, t.t.), 338.

kalangan orang-orang fasiq. Perkataan fasiq jelas memiliki pengertian yang lebih umum dan meliputi kafir dan munafik, iaitu ingkar perintah Allah SWT.<sup>33</sup>

**Ketujuh:** merujuk bahasa Inggeris, fasiq didefinisikan sebagai “*those who are not meeting legal requirements of righteous or sinner.*”<sup>34</sup> **Kelapan:** menurut *Kamus Dewan*, kalimah “fasiq” bermaksud tidak mempedulikan perintah Allah SWT, golongan berdosa besar dan jahat perangai. Manakala “kefasiqan” merujuk kejahatan dan kemungkaran.<sup>35</sup>

Daripada definisi yang dikemukakan, pengkaji dapat menyimpulkan makna fasiq dari sudut bahasa amat luas dan terdiri daripada banyak makna mengikut konteks penggunaan fasiq dalam sesuatu ayat. Oleh itu, fasiq boleh didefinisikan sebagai keluar (*al-khurūj*) yakni menyimpang dari kebaikan dan cenderung kepada kemungkaran.

### 1.1.2 Fasiq Dari Sudut Istilah

Fasiq dari segi terminologi terdiri dari pelbagai makna merujuk pandangan cendekiawan Islam. “*Fisq*” (فَسَقٌ) adalah “*terkeluar dari batas aturan syara*”. Kata (فَسَقٌ) ini lebih umum daripada kata (كُفْرٌ). Sifat fasiq timbul akibat melakukan dosa kecil atau besar. Biasanya fasiq ditetapkan bagi orang yang melakukan dosa besar. Kebanyakan kata “*fāsiq*” (فَاسِقٌ) digunakan untuk menyebut orang yang asalnya berpegang pada hukum syara’, namun kemudian melanggar keseluruhan atau sebahagian hukum. Orang kafir disebut fasiq (فَاسِقٌ) kerana melanggar fitrah dan hukum Allah SWT.

<sup>33</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 5: 3414.

<sup>34</sup> Maksudnya ialah golongan yang tidak mengikut jalan kebaikan dan pendosa (suka melakukan dosa). Hāmid Sādiq Qanībī dan Muhammad Rawās Qal’ah Jī, *Mu’jam al-Fuqahā’*, 338.

<sup>35</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai 18 Februari 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=fasiq>.

Dalam al-Quran, **Pertama**, kata (فَسُقٌ) diulang sebanyak tiga kali, iaitu pada surah al-Mā'idah (5): 3; al-An'ām (6): 121, 145. **Kedua**, kata (فُسُوقٌ) diulang sebanyak empat kali, iaitu pada surah al-Baqarah (2): 197, 282; al-Hujurāt (49): 7, 11. **Ketiga**, kata (فَاسِقٌ) diulang sebanyak dua kali, iaitu pada surah al-Hujurāt (49): 6; al-Sajdah (32): 18. **Keempat**, kata (فَاسِقُونَ) serta (فَاسِقِينَ) diulang sebanyak tiga puluh empat kali.<sup>36</sup>

Dalam surah al-Mā'idah (5): 3 dan al-'An'ām (6): 145, Allah SWT menerangkan beberapa kelakuan fasiq (فَسِقٌ), iaitu memakan bangkai haiwan, darah, babi, haiwan yang disembelih kepada selain Allah SWT, haiwan mati tercekik, haiwan mati dipukul, haiwan yang mati, jatuh dari tempat tinggi, haiwan mati ditanduk, haiwan mati dimakan haiwan buas kecuali sempat disembelih, haiwan yang disembelih atas nama berhala dan menenung nasib dengan undi anak panah. Demikian dalam surah al-'An'ām (6): 121, Allah SWT menyebutkan bentuk kefasikan yang lain, iaitu memakan haiwan yang disembelih tidak menyebut nama Allah SWT.

Dalam surah al-Baqarah (2): 282, kefasikan adalah berhubung kait *mu'āmalah māliyyah* seperti kesaksian dan penulisan perjanjian palsu dalam urusan hutang piutang dan jual beli. Manakala dalam surah al-Baqarah (2): 197, Allah SWT memerintahkan orang yang melaksanakan haji untuk menghormati ibadah haji, tidak melakukan hubungan suami isteri atau perbuatan nafsu berahi, tidak melakukan kefasikan (فُسُوقٌ) dan tidak berbantah-bantahan. Para mufassir menegaskan yang dimaksud dengan (فُسُوقٌ) dalam ayat ini adalah semua jenis kemaksiatan. Ini termasuk tegahan ketika ihram.

Pada surah al-Hujurāt (49): 7, Allah SWT memerintahkan orang yang beriman bersyukur, kerana Allah SWT menjadikan iman sebagai perkara yang dicintai,

---

<sup>36</sup> Zulkifly Mohd Yusoff, *Kamus al-Quran* (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2013), 542.

menjadikan kekufuran, kefasikan serta maksiat sebagai perkara yang dibenci. Pada ayat 11 pula, Allah SWT menegaskan orang yang asalnya beriman kemudian melakukan dosa sehingga dipanggil fasiq (فَاسِقٌ) adalah keadaan yang sangat buruk. Hal ini kerana, orang fasiq (فَاسِقٌ) jauh berbeza dibandingkan orang beriman, terutamanya nasib di akhirat kelak, sebagaimana ditegaskan dalam surah al-Sajdah (32): 18. Bahkan di dunia, mereka (yang fasiq) harus dijauhi. Dalam surah al-Hujurat (49): 6, Allah SWT menerangkan aturan penapisan berita. Jika datang seorang fasiq (فَاسِقٌ) membawa berita, maka selidiki dahulu kesahihannya.<sup>37</sup>

Selanjutnya, Imam al-Qurtubī dalam tafsirnya, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* ada menyatakan berhubung penafsiran surah al-Māi'dah (5): 3,

حُرِّمَتْ عَلَيْكُمُ الْمَيْتَةُ وَالْدَّمُ وَلَحْمُ الْخِنزِيرِ وَمَا أُهْلَ لِغَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْخَنِقَةُ وَالْمَوْقُوذَةُ  
وَالْمُتْرَدِيَةُ وَالنَّطِيحَةُ وَمَا أَكَلَ السَّبُعُ إِلَّا مَا ذَكَّيْتُمْ وَمَا ذُبِحَ عَلَى النُّصُبِ وَأَنْ تَسْتَقْسِمُوا  
بِالْأَزْلَمِ ۚ ذَلِكُمْ فَسْقُ الْيَوْمِ الْيَوْمِ يَبْسُ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشَوْهُمْ وَأَحْشَوْنَ ۗ الْيَوْمَ  
أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا ۗ فَمَنْ أَضْطَرَّ فِي  
مَخْصَصَةٍ غَيْرِ مُتَجَانِفٍ لِإِثْمٍ ۗ فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٥﴾

Al-Māi'dah 5: 3

Terjemahan: “Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (haiwan yang tidak disembelih), dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan haiwan-haiwan yang disembelih kerana selain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan yang mati dipukul, dan yang mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan haiwan buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan (diharamkan juga) kamu merenung nasib dengan undi batang-batang anak panah. Demikian itu adalah perbuatan fasiq (dosa). Pada hari ini, orang-orang kafir telah putus asa (daripada memesongkan kamu) dari agama kamu (setelah mereka melihat perkembangan Islam dan umatnya). Sebab itu janganlah kamu takut dan gentar kepada mereka, sebaliknya hendaklah kamu takut dan

<sup>37</sup> Ibid., 543.

*gentar kepada-Ku. Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redha Islam itu menjadi agama untuk kamu. Maka sesiapa yang terpaksa kerana kelaparan (memakan benda-benda yang diharamkan) sedang ia tidak cenderung hendak melakukan dosa (maka bolehlah ia memakannya), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.”*

Beliau menyatakan “fasiq” bermakna “keluar”. Iaitu “keluar” dari jalan syariat Islam. “Keluar” (melanggar) perintah Allah SWT, “keluar” (tidak mengambil) apa yang diharamkan dan menghalalkan perkara diharamkan Allah SWT. Maka, setiap kelakuan mungkar adalah tergolong fasiq (dosa).<sup>38</sup>

Ibn Abū Ḥātim dalam tafsirnya, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, menyatakan “fasiq” merujuk kepada beberapa pengertian: **Pertama:** (وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنزَلَ اللَّهُ), golongan yang tidak berhukum dengan hukum Allah SWT. Meninggalkan hukum hakam dalam al-Quran dan sunnah seperti hudud dan qisas. **Kedua:** (الكفار), golongan kafir dari Yahudi dan Nasrani. Yahudi mengatakan ‘Uzair itu anak Allah SWT, manakala Nasrani mengatakan tuhan terdiri dari tiga, iaitu Maryam, Jibril (*roh kudus*) serta Isa. **Ketiga:** pelaku maksiat (العاصون). Golongan yang suka melakukan maksiat dan melanggar perintahnya. **Keempat:** golongan pendusta (الكاذبون), mereka yang mendustakan syariat dan tidak mempedulikan arahan dan sunnah Nabi-Nya.<sup>39</sup>

Ibn Kathīr turut menyatakan orang fasiq ialah pelaku dosa besar (الذنوب الكبار) (والعصيان), pendusta dan penipu, suka menabur fitnah serta gemar melakukan kerosakan Allah SWT melarang umat Islam mengikut jalan orang yang suka berbuat kerosakan (المفسدين). Malahan *khobar* yang dibawa oleh si fasiq perlu diteliti terlebih dahulu dan

<sup>38</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006), 6: 41.

<sup>39</sup> ‘Abd al-Rahmān Muḥammad Idrīs al-Rāzī Ibn Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Makkah-Riyadh: Maktabah Nazār Mustafā al-Bāz, 1997), 4: 1148-1149.

jangan mudah percaya. Hal ini kerana berkemungkinan besar ia terdedah kepada fitnah, penipuan dan kesalahan.<sup>40</sup>

Menurut Abū al-Haitham, “fasiq” boleh jadi “syirik (kufur)” dan boleh jadi “suka berbuat kemungkaran.” Seseorang dikatakan “fasiq” jika sering melakukan maksiat, kerosakan dan melanggar aturan Allah SWT. Oleh itu, seseorang yang cenderung pada maksiat (*al-‘Āṣī*) disebut fasiq.<sup>41</sup>

Berdasarkan perbincangan para cendekiawan tentang makna fasiq dari sudut istilah, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pengertian “fasiq” sebenarnya meliputi semua golongan manusia, tidak kira orang kafir, bahkan layak digelar kepada Muslim yang penipu, pendusta, pelaku mungkar dan kerosakan serta mengenyahkan syariat Islam. Fasiq adalah sangat hampir kepada kekufuran dan dimurkai Allah SWT.

## 1.2 DASAR NAṢ YANG MENYEBUTKAN TENTANG HAIWAN FASIQ

Nabi SAW telah memperingatkan akan bahaya haiwan fasiq (haiwan perosak) melalui sabda baginda SAW. Justeru, telah wujud dalil berkenaan haiwan fasiq (haiwan perosak) sejak ribuan tahun dahulu. Perkara inilah yang menjadi dasar perbincangan apabila memperkatakan mengenai haiwan fasiq (haiwan perosak). Sabda Nabi SAW;

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ: "خَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلْنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ،  
وَالْعُقْرَبُ، وَالْحُدَيْيَا، وَالْعُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ"<sup>42</sup>

Terjemahan: Diriwayatkan dari Saidatina ‘Āishah RA, Nabi SAW pernah bersabda: “Lima (jenis) haiwan yang fasiq dan boleh dibunuh

<sup>40</sup> ‘Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ ‘Ismā‘īl bin Kathīr al-Dimashqī, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm* (Kaherah: al-Fārūq al-Ḥadīthiyah li al-Tabā‘ah wa al-Nashr, 2000), 13: 144-148.

<sup>41</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 5: 3414.

<sup>42</sup> Hadīth riwayat al-Bukhārī, *Kitāb Bada’ al-Khalq*, Bab Khams Min al-Dawāb Yaqtulunna fi al-Ḥarām, no. Hadīth 3314. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, “Al-Jāmi’ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūlillāh wa Sunanih wa Ayyāmih,” dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz ‘Āl al-Syakh (Riyadh: Dar al-Salām li Nashr wa al-Tauzī’, 2000), 267.

walaupun di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing liar.”<sup>43</sup>

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجِ النَّبِيِّ " أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ لِلْوَزَغِ : فَوَئِيسِقٌ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Saidatina ‘Āishah RA, Isteri Nabi SAW, Sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda tentang cicak: (cicak digelar Nabi SAW dengan) *fuwaisiq* (si kecil yang fasiq (jahat))”<sup>44</sup>

Lafaz (فَوَئِيسِقٌ) di atas berasal dari bahasa ‘Arab, iaitu (فَسِيقٌ) dan merupakan kata jama’ (فَوَئِيسِقٌ), “si kecil yang suka membuat kerosakan (kejahatan)”. Ia memberi makna sama, iaitu haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya kepada manusia.<sup>45</sup>

Kalimah (خَمْسٌ فَوَئِيسِقٌ) dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun tidak terhad pada lima haiwan tersebut. Nabi SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain.<sup>46</sup>

Kesimpulannya, haiwan fasiq (haiwan perosak) menurut sunnah terdiri daripada tujuh ekor haiwan iaitu; tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing liar, ular dan cicak. Bagi memahami signifikan gelaran Nabi SAW kepada haiwan tersebut, terlebih dahulu kajian dari perspektif pembuktian sains perlu dilakukan. Oleh itu, pengkaji telah mengumpulkan data saintifik pada halaman berikut;

<sup>43</sup> Dalam riwayat lain, ular dan cicak juga tergolong dalam haiwan fasiq. Lihat hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bada’ al-Khalq, Bab Khams Min al-Dawāb Yaqtulunna fi al-Ḥarām, no. Hadith 3315. *Ibid.*, 267. Lihat juga Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 197-198.

<sup>44</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Jazā’ a al-Ṣoīd, Bab Yaqtulu al-Muḥarram min al-Dawāb, no. Hadith 1831. *Ibid.*, 143.

<sup>45</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab*, 5: 3413-3414.

<sup>46</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 195-196.



## 1.3 HAIWAN FASIQ: BIOLOGI, SPESIES DAN JENISNYA<sup>47</sup>

### 1.3.1 Tikus<sup>48</sup>

Tikus (الْفَأْرَةُ) merupakan haiwan mamalia berdarah panas dari jenis *rodensia* bersaiz sederhana dan berekor panjang dari keluarga *Muridae*.<sup>49</sup> Bentuk rupanya seakan-akan arnab, tetapi lebih kecil. Tikus didefinisikan sebagai haiwan pengerip dan mendatangkan mudarat, baik di rumah mahupun di sawah.<sup>50</sup>

Tikus terdiri daripada kira-kira 40% jumlah mamalia yang direkodkan hari ini. Daripada jumlah tersebut, hanya 5% dianggap perosak manakala selebihnya bertindak sebagai “*jentera biologi alam*”. Tikus berperanan penting dalam rantai makanan.<sup>51</sup>

#### 1.3.1.1 Ciri-Ciri Biologi Tikus

Tikus umumnya memiliki tubuh berbulu, berekor panjang dan memiliki sepasang gigi berbentuk pahat, berwarna hitam dan kelabu, tetapi ada juga yang berwarna putih. Gigi kacip atas tikus agak terkehadapan kerana sifatnya yang menggunakan gigi kacip untuk menggali lubang selain mengangkat batu dan tanah. Tikus mempunyai deria penglihatan yang lemah namun memiliki deria bau, pendengaran dan rasa yang baik.<sup>52</sup>

---

<sup>47</sup> Dalam menelusuri kajian terhadap ketujuh-tujuh haiwan fasiq sebagaimana yang telah disabdakan Nabi SAW, pengkaji membincangkan kesemua tujuh jenis haiwan tersebut, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak, ular, cicak dan anjing berdasarkan empat topik penting bagi setiap haiwan, iaitu ciri-ciri biologi dan semulajadi setiap spesies, spesies dan jenis-jenisnya, tabiat hidup setiap spesies dan juga ancaman yang mampu dihadirkan oleh setiap spesies. Hal ini penting untuk diteliti agar dapat diketahui perkara-perkara utama bagi setiap spesies haiwan fasiq meskipun penerangan dilakukan secara umum dan tidak merangkumi setiap aspek kelompok haiwan fasiq tersebut. Bagi penerangan lebih teliti, boleh dirujuk kepada laman sesawang mengenai alam haiwan seperti [national geographic.com.my](http://nationalgeographic.com.my), ensiklopedia haiwan dan lain-lain.

<sup>48</sup> Bagi penerangan lebih lanjut, rujuk Razlina Binti Raghazli, “Beberapa Aspek Biologi dan Ekologi Tikus Wirok Ekor Pendek (*Bandicota Bengalensis*) Di Pulau Pinang” (Tesis Sarjana Sains (Zoologi), Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang, 2008), *Wikipedia Ensiklopedia Bebas, Ensiklopedia Sains* dan lain-lain.

<sup>49</sup> Schwartz dan Charles Wash, *The Wild Mammals of Missouri* (Canada: University of Missouri Press, 2001), 221. Lihat juga laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 21 Feb 2013, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Tikus>.

<sup>50</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 1253.

<sup>51</sup> Razlina Binti Raghazli, “Beberapa Aspek Biologi dan Ekologi Tikus Wirok Ekor Pendek (*Bandicota Bengalensis*) Di Pulau Pinang” (Tesis Sarjana Sains (Zoologi), Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang, 2008), 4.

<sup>52</sup> *Ibid.*, 7. Schwartz dan Charles Wash, *The Wild Mammals of Missouri* (Canada: University of Missouri Press, 2001), 218.

Tikus secara amnya mempunyai bulu-bulu pendek dan kasar. Bahagian dorsalnya berwarna gelap (kelabu gelap dan coklat kehitaman), manakala bahagian ventralnya berwarna kelabu cerah dengan kuning kecoklatan. Kaki hadapannya mempunyai empat jari berkuku manakala kaki belakang mempunyai lima jari berkuku. Muncung tikus adalah luas, lebar dan pendek dan seakan-akan berbentuk bulat.<sup>53</sup>

Tikus memiliki deria rasa, bau dan pendengaran yang baik sehingga tergolong dalam kalangan haiwan cerdas. Memiliki otak yang boleh berkembang, ini bererti tikus mampu mempelajari sesuatu.<sup>54</sup> Tikus adalah haiwan yang dapat mempelajari dengan cepat apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk dirinya. Jika seseekor tikus memiliki pengalaman memakan sejenis makanan tertentu yang menyebabkannya mengalami sakit perut, maka ia tidak akan memakan makanan tersebut buat kali kedua.<sup>55</sup>

Jangka hayat tikus betina antara dua atau tiga tahun dan mampu bunting dan aktif seks dalam enam minggu. Tikus boleh melahirkan lima hingga tujuh ekor anak tikus setiap kelahiran. Tikus betina boleh bunting sebaik melahirkan anak. Secara purata, dalam kitaran hidup seekor tikus betina, ia boleh bunting dua puluh lapan kali dan melahirkan seratus tujuh puluh ekor anak tikus.<sup>56</sup>

### 1.3.1.2 Spesies Tikus

Di seluruh dunia, terdapat variasi spesies tikus. Bagi spesies tikus rumah sahaja, terdapat lebih dua puluh spesies berbeza. Antara spesies tikus ialah tikus belanda, tikus

---

<sup>53</sup> Antara ciri-ciri khas golongan tikus lain seperti tikus Norway pula berwarna kecoklat-coklatan dan berserak hitam namun bawah perut berwarna kelabu keputihan. Hidungnya tumpul dan mempunyai telinga yang kecil. Ekor tikus Norway adalah bersisik dan lebih pendek daripada gabungan kepala dan badannya. Manakala ciri-ciri warna tikus rumah pula bergantung pada habitatnya. Namun, jika tikus itu hidup bersarang di dalam rumah, ia biasanya berwarna abu-abu gelap dengan perut abu-abu terang. Tikus rumah biasanya akan menjadi warna coklat berpasir. Ia mempunyai telinga besar dan mata kecil. Meskipun begitu, bentuk spesies-spesies tikus masih senang dikenal, iaitu badan kecil dan mulutnya muncung, berbulu nipis, berkaki empat, bergigi kacip serta mempunyai ekor panjang di belakangnya meskipun warna tikus adalah berbeza-beza mengikut jenis. *Ibid.*, 7 dan Laman sesawang *Anteaters Pest Control*, dicapai pada 21 Februari, <http://www.anteaters.com.my/bm/perkhidmatan/tikus.html>.

<sup>54</sup> Syamsuddin, *Tingkah Laku Tikus Dan Pengendaliannya* (t.tp., Balai Penelitian Tanaman Serealia, t.t.), 179.

<sup>55</sup> *Ibid.*, 179.

<sup>56</sup> "Bahana Kencing Tikus," laman sesawang akhbar *Kosmo Online*, dicapai pada 21 Februari 2013, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0404&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0404&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke_01.htm).

kasturi (*stink mouse*), tikus unta, tikus Norway, tikus wiwok ekor pendek dan lain-lain.<sup>57</sup>

Spesies tikus paling popular adalah mencit (*mus spp.*),<sup>58</sup> tikus mondok (*rattus norvegicus*),<sup>59</sup> tikus sawah (*rattus argentiventer*)<sup>60</sup>, dan tikus rumah (*rattus rattus*)<sup>61</sup>.

Spesies tikus terbesar di dunia ialah dari jenis “*capybara*”.

### 1.3.1.3 Tabiat Tikus

Tikus merupakan haiwan herbivor pemakan bijirin, gandum, padi, kekacang dan buah-buahan.<sup>62</sup> Namun, hasil daripada adaptasi sekitar bandar, tikus dapat memakan semua jenis makanan di gudang makanan, restoran, bazar dan kediaman. Ia pernah direkodkan menyimpan empat kali ganda dari jumlah yang mampu dimakannya.<sup>63</sup>

---

<sup>57</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 1253. Rujuk juga laman sesawang *Malay English Online Dictionaries*, dicapai pada 21 Februari 2013, <http://mykamus.com/free/2010/09/tikus-2/> dan laman sesawang *Artikata.com*, dicapai pada 21 Februari 2013, <http://www.artikata.com/arti-306636-tikus.html>.

<sup>58</sup> Mencit atau Mice (*Mus Musculus*) adalah tikus berukuran kecil. Mencit mudah dijumpai di rumah-rumah dan dikenali sebagai haiwan pengganggu. Hal ini kerana kebiasaannya ia menggigit dan mengerip barang-barang kecil serta bersarang di sudut-sudut almari. Haiwan ini adalah mamalia terbanyak kedua di dunia, setelah manusia. Mencit sangat mudah menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran manusia, bahkan jumlahnya yang hidup liar di hutan lebih sedikit daripada yang tinggal di persekitaran manusia (di bandar). Lihat laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 21 Februari 2013, <http://id.wikipedia.org/wiki/Mencit>.

<sup>59</sup> Tikus got, atau tikus mondok atau tikus coklat (*rattus norvegicus*) adalah salah satu spesies tikus yang paling umum dijumpai di bandar. Tikus jenis ini makan dari sisa makanan manusia dan sampah-sarap. Selain itu, tikus ini seringkali mengotori makanan manusia pada saat manusia tidur. Haiwan ini sering digunakan sebagai haiwan percubaan makmal (yang dikenali sebagai tikus putih) dan juga sebagai haiwan kesayangan. *Ibid.*, dicapai pada 21 Februari 2013, [http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus\\_got](http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus_got).

<sup>60</sup> Tikus sawah (*rattus argentiventer*) adalah haiwan perosak utama tanaman padi. Tikus ini banyak merosakkan tanaman petani dan pesawah padi. Serangan tikus di sawah sudah bermula sejak benih padi disemai di tapak persemaian. Tikus sawah akan memakan biji-biji benih yang sedang bercambah, akibatnya petani terpaksa mengulang semai benih padi. Sebagai haiwan perosak, tikus sawah sering merosakkan tanaman padi dalam jumlah yang jauh melebihi keperluan makanannya. Hal ini disebabkan tikus perlu sentiasa “mengasah” gigi kacipnya yang selalu tumbuh agar sentiasa dalam baik. Lihat laman sesawang *Portal Rasmi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)*, dicapai pada 21 Februari 2013, <http://www.mada.gov.my/web/guest/tikus> dan laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 21 Februari 2013, [http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus#Tikus\\_got](http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus#Tikus_got).

<sup>61</sup> Tikus rumah (*Rattus rattus*) adalah haiwan pengerat biasa yang mudah dijumpai di rumah-rumah dengan ekor yang panjang dan pandai memanjat serta melompat. Haiwan ini berasal dari Asia. Namun, ia tersebar ke Eropah dan seluruh penjuru dunia melalui aktiviti perdagangan sejak awal abad keenam. Tikus rumah pada masa kini cenderung membiak di daerah dan kawasan yang lebih hangat. Tidak seperti tikus yang menjadi saingannya, *tikus got*, tikus rumah adalah perenang yang buruk dan bangkainya sering ditemukan di kolam-kolam. Namun demikian, ia lebih lasak dan pemanjat yang ulung, bahkan berani “terbang.” Tikus betinanya mampu beranak bila-bila masa sahaja dengan anak sehingga 3-10 ekor tikus per kelahiran. Umurnya boleh mencapai 2-3 tahun dan menyukai hidup berkelompok. Kehadiran tikus rumah boleh dikesan dengan terdapatnya tahi, kekotoran dan tanda bekas kakinya. Rujuk laman sesawang *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 21 Februari 2013, [http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus\\_rumah](http://id.wikipedia.org/wiki/Tikus_rumah) dan laman sesawang *Anteaters Pest Control*, dicapai pada 21 Februari, <http://www.anteaters.com.my/bm/perkhidmatan/tikus.html>.

<sup>62</sup> Schwartz dan Charles Wash, *The Wild Mammals of Missouri* (Canada: University of Missouri Press, 2001), 225.

<sup>63</sup> Bagi penerangan lebih lanjut rujuk Syamsuddin, *Tingkah Laku Tikus Dan Pengendaliannya* (t.p., Balai Penelitian Tanaman Sereal, t.t.), 181.

Tikus menghabiskan riwayat hidupnya dan tinggal di tempat kotor. Tikus gemarkan sampah dan kawasan bertakung di lorong belakang hotel, kolong bawah tanah, petak sawah atau kandang kuda. Rumah yang dijaga rapi juga tidak terkecuali.<sup>64</sup>

Tikus merupakan haiwan aktif pada waktu malam (*nocturnal*). Pada waktu siang, mereka berlindung dalam lubang atau semak. Tempat tinggal tikus biasanya memberikan perlindungan dari haiwan pemangsa, berdekatan sumber air dan mempunyai banyak ruang penyimpanan makanan, tempat tidur dan tempat membesarkan anak.

#### 1.3.1.4 Ancaman Tikus

Tikus merupakan ancaman utama kesihatan dan harta benda manusia. Tikus boleh menyebabkan gangguan kepada gaya hidup dan persekitaran. Pelbagai laporan tentang ancaman tikus boleh dibaca saban hari.<sup>65</sup> Tikus juga boleh menyebabkan gangguan emosi dan trauma kepada sesetengah individu.<sup>66</sup>

Di India, tikus dari jenis *rattus rattus*, *rattus norvegicus*, *bandicota bengalensis*, *bandicota indica* dan *tatera indica* telah menyebabkan keruntuhan ekonomi India. Di negara-negara membangun lain, tikus dilaporkan telah membawa kerosakan besar kepada hasil tanaman yang disimpan di dalam gudang.<sup>67</sup>

---

<sup>64</sup> “Bahana Kencing Tikus,” laman sesawang akhbar *Kosmo Online*, dicapai pada 21 Februari 2013, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0404&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke\\_01htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0404&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke_01htm)

<sup>65</sup> Di negara-negara Asia Tenggara umumnya, tikus daripada jenis wirok ekor pendek (*Bandicota bengalensis*) dianggap sebagai perosak utama di kebanyakan bandar-bandar utama di seluruh negara. Masalah ini menjadi semakin serius kerana saiz tikus tersebut yang lebih besar disamping kelakuannya yang lebih agresif berbanding tikus lain. Tinjauan mendapati kebanyakan penduduk di sekitar kawasan perumahan di Pulau Pinang menyatakan bahawa tikus telah banyak merosakkan peralatan rumah serta mencemarkan makanan di dalam rumah. Penjual-penjual di pasar-pasar awam juga mengadu bahawa banyak daripada hasil jualan mereka telah dirosakkan oleh tikus menyebabkan mereka kerugian. Di pasar Chow Rasta, Pulau Pinang juga, penghuni-penghuni di situ menyatakan bahawa tikus-tikus yang berkeliaran juga telah merosakkan pendawaian pada kereta serta memasuki bahagian enjin kereta yang diletakkan di hadapan pasar. Rujuk Razlina Binti Raghazli, “Beberapa Aspek Biologi dan Ekologi Tikus Wirok Ekor Pendek (*Bandicota Bengalensis*) Di Pulau Pinang” (Tesis Sarjana Sains (Zoologi), Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang, 2008), 1-2.

<sup>66</sup> *Ibid.*, 4.

<sup>67</sup> *Ibid.*, 5.

Tikus merupakan perumah kepada penyakit berbahaya. Penyakit “*leptospirosis*” contohnya menjangkiti manusia yang terdedah kepada persekitaran yang dicemari najis tikus. ‘*Bubonic plague*’ merupakan penyakit bawaan tikus yang telah melanda Eropah pada kurun ke-14 dan mengorbankan hampir 23% penduduk Eropah ketika itu. Terdapat juga kes kematian akibat gigitan tikus dipanggil ‘*anaphylaxis*’, iaitu air liur tikus memasuki badan manusia yang digigit menyebabkan badan tidak dapat menerima protein asing dan sistem ketahanan menjadi lemah. Antara penyakit-penyakit lain disebabkan tikus ialah “*murine typhus*”, “*salmonellosis*” dan “*toxoplasmosis*.”<sup>68</sup>

### 1.3.2 Kala Jengking

Kala jengking (العقرب) merupakan haiwan kecil berkaki lapan yang mempunyai sepit dan sengat di ekor.<sup>69</sup> Dalam bahasa Inggeris, kala jengking dikenali sebagai “*scorpion, a creature which looks like a large insect and lives in hot countries. Scorpion has a long curved tail with a poisonous sting in it.*”<sup>70</sup>

#### 1.3.2.1 Ciri-Ciri Biologi Kala Jengking

Kala jengking ialah haiwan *arachnida*<sup>71</sup> berbadan panjang<sup>72</sup> dan mempunyai mata ringkas seperti labah-labah.<sup>73</sup> Kala jengking merupakan haiwan lasak dan mampu hidup

---

<sup>68</sup> Laporan akhbar Berita Harian bertarikh 28 September 2004. *Ibid.*, 6.

<sup>69</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 451.

<sup>70</sup> “Kala jengking, ialah makhluk yang kelihatan seperti serangga yang besar dan tinggal di negara yang beriklim panas. Kala Jengking mempunyai ekor panjang melengkung yang mempunyai sengat di hujungnya.” Dr. Keith Brown et al., *Oxford Student's Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 567, dan Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Limited, 2004), 18.

<sup>71</sup> Djaenudin Natadisastra dan Ridad Agoes, *Parasitologi Kedokteran Ditinjau Dari Organ Tubuh yang Diserang* (Jakarta: Penerbit Buku Kedokteran EGC, 2005), 349, dan Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Limited, 2004), 20.

<sup>72</sup> Kala jengking mampu membesar dari sepanjang 2 sentimeter sehingga lebih daripada 20 sentimeter bergantung kepada spesiesnya. Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, terj. Rosana Hariyanti et al. (Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, 2006), 73.

<sup>73</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 5 March 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kala+jengking>.

dalam kawasan beriklim panas atau sejuk. Ia juga mampu hidup tanpa makanan berbulan.<sup>74</sup>

Sepertimana haiwan lain dalam keluarga *arachnida*, kala jengking mempunyai mulut disebut “*khelisera*” dan sepasang “*pedipalpus*.” *Pedipalpus* bukan sahaja bertindak sebagai sepasang penyepit untuk menangkap mangsa dan sebagai alat pertahanan, akan tetapi turut dilengkapi rerambut halus sebagai *sensor* (penerima isyarat kimia).<sup>75</sup>

Tubuhnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu *chephalothorax* dan *abdomen*. *Chephalothorax* ialah bahagian kepala yang menempel dengan *thorax* dan ditutup oleh pelindung kepala yang dilengkapi sepasang mata median dan dua hingga lima pasang mata lateral di hadapan.<sup>76</sup> Ekor beruas kala jengking yang melengkung pula bertindak sebagai penyengat beracun untuk melumpuhkan mangsa.<sup>77</sup>

Kala jengking boleh bunting sehingga beberapa bulan bahkan menjangkau setahun bergantung kepada spesies. Rata-rata seekor kala jengking betina mampu melahirkan dua puluh lima sehingga tiga puluh lima ekor anak. Kala jengking boleh hidup selama tiga hingga lima tahun, bahkan beberapa spesies kala jengking mampu hidup sehingga dua puluh lima tahun.<sup>78</sup>

---

<sup>74</sup> Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, 72-73.

<sup>75</sup> Steve Stedford, *Intisari Ilmu Hewan Merayap*, terj. Hindrina Perdhana Sari (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2005), 108.

<sup>76</sup> Paula Hammond (2004), *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Ltd, 2004), 19.

<sup>77</sup> *Ibid.*, 1, dan Hope B. Werness, *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art* (New York: The Continuum International Publishing Group Inc, 2003), 360.

<sup>78</sup> *Ibid.*, 3.

### 1.3.2.2 Spesies Kala Jengking

Kala jengking merupakan spesies *artropoda terstian* tertua. Fosilnya ditemukan berusia empat ratus tiga puluh juta tahun memiliki penampilan serupa dengan masa kini.<sup>79</sup> Sehingga kini terdapat seribu empat ratus jenis kala jengking di seluruh dunia.<sup>80</sup>

Misalnya kala jengking gurun sahara, kala jengking berwarna hijau kehitam-hitaman yang biasanya terdapat di tempat-tempat gelap (*heterometrus longimanus*), kala jengking berwarna kuning-kekuningan dan berbintik-bintik hitam yang biasanya terdapat di rumah-rumah (*isometrus maculates*).<sup>81</sup> Namun, jenis kala jengking yang banyak ditemui di Asia adalah dari jenis *heterometrus spinifer* (*Asian forest scorpion*).<sup>82</sup>

### 1.3.2.3 Tabiat Kala Jengking

Kala jengking merupakan komponen penting dalam ekosistem. Kala jengking mendiami habitat yang luas mulai gurun, hutan, gua, padang rumput, bahkan pernah ditemui di bawah tompokan salji pada ketinggian melebihi dua belas ribu kaki di kawasan pergunungan Himalaya.<sup>83</sup>

Kala jengking merupakan haiwan yang hidup bersendirian. Kebiasaannya, kala jengking lebih banyak bergerak pada waktu malam. Pada waktu siang, kala jengking menghabiskan masa di bawah batu atau tanah untuk melindungi dirinya dari kepanasan.<sup>84</sup>

---

<sup>79</sup> Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals*, 20.

<sup>80</sup> Upik Kesumawati Hadi, *Kala Jengking*, 1.

<sup>81</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 5 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=kala+jengking>.

<sup>82</sup> Upik Kesumawati Hadi, *Kala Jengking*, 1.

<sup>83</sup> *Ibid.*, 1.

<sup>84</sup> Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, terj. Rosana Hariyanti et al, *Atlas Haiwan Alves Dan Invertebrata* (Solo: Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, 2006), 72.

Kala jengking hidup dengan memakan haiwan lain seperti labah-labah, cacing dan vertebrata kecil. Kala jengking mencari makanan dengan mengesan getaran di atas tanah. Kala jengking akan menerkam mangsanya dengan penyepit, lantas menyuntikkan bisa ke dalam badan mangsa sehingga lumpuh sebelum memakannya.<sup>85</sup>

#### **1.3.2.4 Ancaman Kala Jengking**

Kala jengking merupakan spesies berbahaya dan sengatannya menyakitkan. Namun, daripada lebih 1500 jenis kala jengking, hanya 25 spesies sahaja yang mampu membawa maut.<sup>86</sup> Antara spesies paling berbahaya ialah kala jengking gurun sahara. Sengatannya mampu membawa maut serta merta.<sup>87</sup>

Bisa kala jengking adalah campuran kompleks *neurotoksin*. Setiap jenis kala jengking mempunyai campuran beracun unik digunakan untuk menyengat. Kala jengking juga dapat mengendalikan aliran racun yang disuntik. Meskipun racun yang disuntik sedikit, namun mampu membunuh kanak-kanak dan orang dewasa yang alah terhadap bisa kala jengking.<sup>88</sup>

Di Mexico, kala jengking membunuh lebih banyak nyawa berbanding ular. Sepanjang tahun 1980, terjadi kira-kira lapan ratus kematian setiap tahun akibat sengatan kala jengking di Mexico. Manakala di Tunisia, kala jengking meragut hampir empat ratus nyawa setiap tahun. Sengatannya jauh lebih berbisa dibandingkan patukan tedung selar.<sup>89</sup> Apabila terjadi kematian akibat sengatan kala jengking, umumnya

---

<sup>85</sup> *Ibid.*, 73, dan Steve Stedford, *Intisari Ilmu Hewan Merayap*, terj. Hindrina Perdhana Sari (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2005), 108.

<sup>86</sup> Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals*, 21.

<sup>87</sup> Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, terj. Rosana Hariyanti et al, *Atlas Haiwan Alves Dan Invertebrata*, 72-73.

<sup>88</sup> *Ibid.*, 9.

<sup>89</sup> Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals*, 20-21.



disebabkan bisa telah menuju saraf dan menyebabkan kegagalan jantung seterusnya menjejaskan sistem pernafasan.<sup>90</sup>

### 1.3.3 Helang

Helang adalah sejenis burung besar berdarah panas yang lazimnya mencari makanan dengan cara menyambar mangsa.<sup>91</sup> Dalam bahasa Inggeris, ia ditakrifkan sebagai “*a very large bird that can see very well. It eats small birds and animal.*”<sup>92</sup>

#### 1.3.3.1 Ciri-Ciri Biologi Helang

Helang merupakan haiwan mamalia bersayap, tubuh diselubungi bulu pelepah dan berparuh. Paruh helang tidak bergigi tetapi mempunyai sudut bengkok untuk mengoyak daging mangsa. Helang juga mempunyai sepasang kaki dilengkapi kuku yang tajam bertujuan mencengkam mangsa. Seperti burung-burung lain, helang membiak dengan cara bertelur.<sup>93</sup>

Helang mempunyai sistem pernafasan yang baik bertujuan membekalkan oksigen yang banyak ketika terbang. Jantung burung helang terdiri dari empat bahagian seperti manusia dikenali sebagai “*atrium*”, sementara bahagian bawah dikenali sebagai “*ventrikel*.”<sup>94</sup>

---

<sup>90</sup> Upik Kesumawati Hadi, *Kala Jengking*, 4.

<sup>91</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 358.

<sup>92</sup> Keith Brown et al., *Oxford Student's Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 207.

<sup>93</sup> *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Helang>.

<sup>94</sup> *Ibid.*, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://ms.wikipedia.org/wiki/Helang>.

Selain itu, helang boleh hidup sehingga menjangkau 35 tahun. Ia boleh melihat mangsa yang berada sejauh 1.6 kilometer serta mampu terbang setinggi 10 000 kaki dan menjunam menyambar mangsa dengan kelajuan 150-200 kilometer sejam.<sup>95</sup>

### 1.3.3.2 Spesies Helang

Terdapat kira-kira enam puluh empat spesies helang di seluruh dunia.<sup>96</sup> Antaranya ialah helang merah (*haliastur indus*), helang hindik (*spizaetus cirrhatus*), helang belalang (*microhierax fringillarus*), helang sewah (*accipiter gularis*) dan helang malam (*machaerhampus alcinus*).<sup>97</sup> Helang yang hidup di Malaysia adalah dari jenis helang hitam<sup>98</sup> dan helang merah.<sup>99</sup> Spesies burung helang mudah dikenal, tidak jauh berbeza dari yang lain dan masih mengekalkan rupa yang sama meskipun berbeza dari segi warna dan bentuk.<sup>100</sup>

### 1.3.3.3 Tabiat Helang

Burung helang di Malaysia banyak tinggal di kawasan persisiran pantai. Ia tinggal sekitar benua India, selatan China, Asia Tenggara, Kepulauan Indonesia, Australia,

---

<sup>95</sup> Hope B. Werness, *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art* (New York: The Continuum International Publishing Group Inc, 2003), 151.

<sup>96</sup> Tom Warhol dan Chris Reiter, *Eagles* (New York: Benchmark Books, 2004), 33.

<sup>97</sup> Antara spesies helang di benua Eropah ialah bald eagle (*haliacetus leucocapthalus*), golden eagle (*aquila chrysaetos*), steller's sea eagle (*haliacetus pelagicus*), white-tailed sea eagle (*haliacetus albicilla*). Hope B. Werness, *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art*, 151. Lihat Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), 5 Mac 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=helang>.

<sup>98</sup> Burung lang hitam merupakan pemangsa pemangsa besar bersaiz sekitar 70-80 sentimeter. Lang dewasa mempunyai pelepah hitam keseluruhannya, dengan pangkal paruh dan kaki berwarna kuning. Sayapnya panjang dan menguncup pada bahagian dalam utama sekaligus memberikan bentuk yang jelas. Ekornya panjang dan menunjukkan jalur kabur. Sayapnya membentuk V ketika terbang. Apabila dilihat pada waktu tengahari, ia akan melayang-layang mencari sarang. Burung ini mudah dilihat kerana warnanya hitam berkilat, bersaiz besar, dan ciri penerbangan perlahan. Kedua jantina helang hitam mempunyai rupa yang sama, tetapi helang muda mempunyai ropol di kepala, bahagian bawah dan bawah sayap. Rujuk *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 5 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung\\_Helang\\_Hitam](http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung_Helang_Hitam).

<sup>99</sup> Burung helang merah (lang merah) atau nama saintifiknya ialah *haliastur indus*. Burung lang merah bersaiz antara 43 hingga 51 cm. Ia memiliki kepala, leher dan dada putih dengan celoreng perang gelap. Sayap dikembangkan ke hadapan ketika terbang. Ia merupakan burung pemangsa di Malaysia, mudah dikenal pasti melalui bulu putih pada kepala dan pada dadanya. Burung lang merah mempunyai saiz yang sama dengan burung helang kembara hitam (*Milvus migrans*). Burung lang merah merupakan pemangsa (karnivor) seperti mana spesies helang yang lainnya. Rujuk *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 5 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung\\_Helang\\_Merah](http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung_Helang_Merah).

<sup>100</sup> Di negara luar, terdapat banyak spesies helang berlainan warna dan bentuk hasil adaptasi dengan iklim persekitaran. Antara spesies lain burung helang ialah "sea eagle", "chilian sea eagle", "cara cara eagle", "south African eagle", "whitish African eagle", dan juga "wedge-tailed eagle". Charles F. Partington, *The British Cyclopedia of Natural History* (London: Orr & Smith, t.t.), 370-371.

dan Kepulauan Solomon. Burung helang gemar membiak dalam negara beriklim khatulistiwa di wilayah selatan Asia dari India, Sri Lanka sehingga Asia Tenggara.

Helang biasanya berkumpul dalam jumlah yang kecil<sup>101</sup> dan suka meluncur tinggi di udara. Ketika waktu panas terik, ia menggunakan kelebihan “termal udara panas” untuk terbang dengan lebih lancar.<sup>102</sup> Seekor burung helang boleh bertelur antara satu hingga dua telur sahaja pada sesuatu masa.<sup>103</sup> Apabila anak-anaknya sudah menetas, ia akan menjaga anak-anaknya sehingga mampu terbang.<sup>104</sup>

Helang merupakan haiwan karnivor yang rakus. Makanan utamanya adalah haiwan mamalia kecil seperti tikus, tupai, ular dan ayam. Terdapat juga sesetengah burung helang yang menangkap ikan sebagai makanan.<sup>105</sup>

#### **1.3.3.4 Ancaman Helang**

Helang terkenal dengan sikap penyerang senyap, datang tanpa disedari dan suka mengganggu manusia.<sup>106</sup> Pernah dilaporkan bahawa penternak ayam daging mengalami banyak kerugian apabila helang sering menyambar anak-anak ayam yang berkeliaran sekitar reban.<sup>107</sup>

Bukan itu sahaja, akhbar Berita Harian bertarikh 20 September 2006 pernah melaporkan bahawa helang-helang di bandar Rio De Janeiro, Brazil pernah menganas dan menyerang penduduk sehingga mengakibatkan kecederaan serius pada muka dan

---

<sup>101</sup> Linda Campbell, *Endangered and Threatened Animals of Texas* (Texas: Texas Park And Wildlife Press, 1995), 74.

<sup>102</sup> Michael J. Caduto, Joseph Bruchac, 54.

<sup>103</sup> Michael J. Caduto dan Joseph Bruchac, *Keepers of the Animals* (Colorado: Fulcrum Publishing, t.t.), 54.

<sup>104</sup> Gordon Morrison, *Bald Eagle* (New York: Walter Lorraine Books, 1998), 7-8.

<sup>105</sup> *Ibid.*, 54. Rujuk lebih lanjut *National Geographic.com*, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://images.nationalgeographic.com/wpf/sites/kids/NGS/wpf/printcreature/baldeagle.html>.

<sup>106</sup> Mohd Rasdi bin Saamah, *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Suku Kaum Semai* (Pahang: IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, t.t.), 7.

<sup>107</sup> *Malaysia Catch Fish Hatchery*, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://pergauhatchery.com>.

kepala penduduk.<sup>108</sup> Seorang budak hampir buta dan terkoyak telinga apabila dicengkam helang yang berkeliaran di taman permainan daerah Farnborough, London.<sup>109</sup>

### 1.3.4 Gagak

Gagak (*crow*) merupakan speies burung berbulu hitam,<sup>110</sup> besar bentuk badan, berkepak dan suka berbunyi lantang. Menurut kamus bahasa Inggeris, gagak ditakrifkan sebagai “*a large bird that makes a loud noise*” iaitu burung besar yang menghasilkan bunyi bising.<sup>111</sup>

#### 1.3.4.1 Ciri-Ciri Biologi Gagak

Gagak mempunyai paruh sederhana panjang seakan bercangkuk bertujuan membantu burung gagak melapah daging. Ekornya pendek atau sederhana panjang. Gagak mudah dikenali kerana kebiasaannya berwarna gelap pada seluruh badannya, termasuk bahagian paruh dan kaki.<sup>112</sup>

Gagak mengawan dan membiak sekitar bulan April. Gagak boleh bertelur antara empat hingga tujuh biji telur. Jangka hayat seekor burung gagak adalah melebihi dua belas tahun.<sup>113</sup> Antara semua jenis unggas, burung gagak mempunyai tahap kepintaran tertinggi. Gagak mempunyai kemampuan untuk belajar dan dapat menyelesaikan permasalahan dengan memanfaatkan persekitarannya untuk hidup.<sup>114</sup>

---

<sup>108</sup> Akhbar *Berita Harian Online*, bertarikh 20 Sept 2006, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://pet-cockatiel.com/Dboard/viewtopic.php?f=50&t=747>.

<sup>109</sup> Akhbar My.Metro Online, bertarikh 10 November 2012, dicapai pada 5 Mac 2013, [http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Budak2tahunparahdicekauhelang//Article/index\\_html](http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Budak2tahunparahdicekauhelang//Article/index_html).

<sup>110</sup> Teuku Iskandar, *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 281.

<sup>111</sup> Dr. Keith Brown et al., *Oxford Student's Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 159.

<sup>112</sup> Roger Avery et al., *International Wildlife Encyclopedia*, 3<sup>rd</sup> Ed. (New York: Marshal Cavendish Corporation, 2002), 610.

<sup>113</sup> *Ibid.*, 613.

<sup>114</sup> Margery Facklam, *What Does The Crow Know. The Mystries of Animal Intelligence* (California: Sierra Club For Children, t.t.), 15. Rujuk juga BBC News, “*Crow and Jays In Top Bird IQ Scale*”, dicapai pada 6 Mac 2013,

### 1.3.4.2 Spesies Gagak

Gagak berasal dari keluarga burung *carvus macrorhynchos*.<sup>115</sup> Terdapat kira-kira 115 spesies gagak di seluruh dunia.<sup>116</sup> Antara spesies gagak yang popular adalah dari spesies American Crow (*c. brachyrhynchos*), Mexican Crow (*c. caurinus*), Fish Crow (*c. ossifragus*), dan Northwestern Crow (*c. imparatus*).<sup>117</sup> Walaupun begitu, ia masih boleh dikenali kerana kesemua spesies burung gagak berukuran secara relatifnya besar, memiliki bulu dominan berwarna hitam dan bersuara lantang.

### 1.3.4.3 Tabiat Gagak

Gagak berkembang biak di seluruh dunia. Majoriti tinggal dalam kawanan besar di selatan benua Amerika, selatan lautan Pasifik, Hawaii, lautan Carribean dan New Zealand. Spesies gagak suka tinggal di habitat-habitat seperti kawasan padang rumput, ladang ternakan dan tanaman, teluk, pulau, kaki bukit dan gunung-ganang.<sup>118</sup>

Gagak merupakan “penerbang” yang gagah dan boleh terbang dalam jarak jauh. Gagak dikenal sebagai burung yang bijak, *verstail* serta mempunyai selera makan yang besar.<sup>119</sup> Gagak tidak akan membazirkan peluang untuk mendapatkan makanan. Dilengkapi paruh yang kuat, gagak boleh makan apa sahaja termasuk buah-buahan, bijirin, gandum malah haiwan kecil seperti cacing, katak dan ikan.

Di samping itu, gagak merupakan pembunuh yang cekap dan pantas mengambil kesempatan. Ia akan membunuh haiwan lain yang cedera atau sakit, makan bangkai

---

<http://news.bbc.co.uk/2/hi/science/nature/4286965.stm>, dan *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 6 Mac 2013, <http://id.wikipedia.org/wiki/Gagak>.

<sup>115</sup> *Artikata.com*, dicapai pada 5 Mac 2013, <http://www.artikata.com/arti-327564-gagak.html>.

<sup>116</sup> Hope B. Werness, *The Continuum Encyclopedia of Animal Symbolism In Art* (New York: The Continuum International Publishing Group Inc, 2003), 105.

<sup>117</sup> Roger Avery et al., *International Wildlife Encyclopedia 3<sup>rd</sup> Ed.*, 610.

<sup>118</sup> *Ibid.*, 610.

<sup>119</sup> *Ibid.*, 610.

haiwan yang mati dilanggar atau bangkai ikan terdampar.<sup>120</sup> Gagak hidup dalam kawanan yang sangat mementingkan kawasannya. Ia akan menyerang haiwan yang cuba memasuki kawasannya.<sup>121</sup>

#### 1.3.4.4 Ancaman Gagak

Suara gagak yang bising<sup>122</sup> cukup membingitkan dan menghasilkan pencemaran bunyi. Di negeri Melaka, penduduk pangsapuri Kota Laksamana tertekan apabila ribuan gagak mendiami bumbung dan pokok sekitar. Kehadiran kawanan berkenaan bukan sahaja mencemari jalan dan kenderaan dengan najis, malah penduduk terpaksa berdepan dengan bunyi bising burung gagak seawal jam empat pagi. Kawanan burung gagak turut membongkar sampah dan masuk ke dalam rumah untuk mencari sisa makanan.<sup>123</sup>

Di Amerika Syarikat, gagak sering mengakibatkan kacau bilau. Bukan itu sahaja, sifat pengotor burung gagak turut berbahaya kepada kesihatan. Justeru, peraturan persekutuan Amerika Syarikat telah memutuskan pemburuan burung gagak adalah sah bagi kebanyakan negeri, sekitar bulan Ogos hingga akhir Mac, bahkan boleh dilakukan pada bila-bila masa jika terdapat ancaman. Bilangan burung gagak yang diburu tidak dihadkan semasa "*musim pemburuan burung gagak*" ini.<sup>124</sup>

---

<sup>120</sup> *Ibid.*, 612-613.

<sup>121</sup> *Ibid.*, 613.

<sup>122</sup> Boria Sax, *Crow* (London: Reaktion Books Ltd, 2003), 31.

<sup>123</sup> Nor Faisal Jahuri, "Gagak Serang Pangsapuri", bertarikh 16 Disember 2012, laman sesawang *My Metro.com*, dicapai pada 6 Mac 2013, [http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gagak\\_8216\\_serang\\_8217\\_pangsapuri//Article/index\\_html](http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Gagak_8216_serang_8217_pangsapuri//Article/index_html)

<sup>124</sup> *Wikipedia Ensiklopedia Bebas*, dicapai pada 6 Mac 2013, [http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung\\_Gagak](http://ms.wikipedia.org/wiki/Burung_Gagak).

### 1.3.5 Anjing

Anjing merupakan haiwan berkaki empat yang kasar dan kuat. Menurut istilah Arab, ia dipanggil (الْكَلْب)<sup>125</sup> manakala dalam bahasa Inggeris, ia dikenal sebagai “*an animal that many people keep as a pet, or for working on farms, hunting and so on.*”<sup>126</sup>

#### 1.3.5.1 Ciri-Ciri Biologi Anjing

Anjing adalah haiwan mamalia karnivor. Ia telah dipelihara sejak 12 000 tahun lalu atau mungkin sejak 150 000 berasaskan bukti-bukti genetik sedia ada.<sup>127</sup> Anjing berasal dari keluarga yang sama dengan serigala, coyote dan musang. Ia boleh didapati di seluruh pelusuk dunia sama ada di kawasan bandar, kampung mahupun hutan.

Anjing memiliki rupa umum yang mudah dikenal, iaitu bertubuh tegap berotot, badan dan ekor berbulu, berkaki empat, lidah terjelir dan telinga besar.<sup>128</sup> Dari segi warna, terdapat pelbagai variasi warna anjing dari hitam ke putih, merah, kelabu dan perang.<sup>129</sup> Anjing dikurniakan rahang kuat digunakan untuk menggigit, membunuh dan menarik-carikkan makanan.

Indera penglihatan, pendengaran dan bau anjing amat hebat. Matanya amat sensitif pada cahaya dan pergerakan. Anjing mampu mendengar bunyi berfrekuensi serendah 16 Hz hingga 70 KHz jika dibandingkan dengan manusia yang hanya boleh mendengar bunyi berfrekuensi serendah 20 Hz hingga 20 KHz. Ini menjadikan anjing

---

<sup>125</sup> Ibn Manẓūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2003), 12: 134, dan al-Fayrūz Ābādī, *al-Qāmus al-Muḥīṭ* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turath al-‘Arabī, 1998), 131.

<sup>126</sup> Bermaksud “haiwan yang rapat dengan manusia, haiwan peliharaan dan digunakan untuk memburu dan membantu di ladang. Dr. Keith Brown et al., *Oxford Student’s Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 196.

<sup>127</sup> Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 518.

<sup>128</sup> Anne Hillyard et al., *Endangered Wildlife and Plants of the World* (New York: Marshall Cavendish Corporation, 2001), 456.

<sup>129</sup> Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, *Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam*, 518.

mampu mendengar suara empat kali lebih jauh dari manusia. Dilengkapi telinga besar berotot, boleh digerakkan serta efisien terhadap bunyi, ditambah 220 juta sel yang amat sensitif terhadap bau telah membentuk anjing sebagai pemangsa dan haiwan hebat.

### 1.3.5.2 Spesies Anjing

Anjing terdiri dari pelbagai spesies, antaranya baka jenis arau (anjing berbelang hitam putih), anjing liar (anjing yang hidup liar dalam hutan), anjing koreng (anjing bergaris kuning hitam), anjing nibong (anjing berwarna kuning kekelabuan). Termasuk kategori anjing ialah serigala (anjing yang berkeliaran secara berkumpulan dalam hutan).<sup>130</sup>

Di luar negara, baka anjing yang popular ialah dari jenis ‘Akita’ (*akita amerika* atau *akita jepun*), ‘American Pitt Bull Terrier’, ‘Fila Brasileiro’ (*brazilian Mastiff*), ‘Dogo Argentino’ (*argentinian Mastiff*), ‘Tibetan Mastiff’, ‘American Bulldog’, ‘Kai’ (*korean dog*), ‘Mallinois’ (*laeknois*), ‘Rafeiro Do Alentejo’ (*porteguese watchdogs*) dan ‘American Staffordshire Bull Terrier’.<sup>131</sup>

### 1.3.5.3 Tabiat Anjing

Anjing dikenali dengan sifat bengis dan ganas. Anjing akan bertindak balas apabila merasa terancam atau tercabar. Anjing adalah haiwan yang suka bersosial dan pemburu berkelompok. Sifatnya yang suka bermain, mudah dilatih dan beradaptasi dalam semua persekitaran menjadikannya penting kepada manusia. Oleh itu, kebiasaannya anjing dijadikan teman sehinggakan digelar “*teman terbaik manusia*.”<sup>132</sup>

---

<sup>130</sup> Teuku Iskandar et al., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 33.

<sup>131</sup> Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, *Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam*, 519.

<sup>132</sup> *Ibid.*, 518, dan Ruth Berman, *My Pet Dog* (USA: Lerner Publications Company, t.t.), 53.



Kini, anjing menjadi haiwan peliharaan paling popular<sup>133</sup> terutamanya bagi masyarakat Eropah. Anjing bermanfaat untuk menjaga kediaman dan memburu. Hal ini kerana anjing dikurniakan pelbagai kelebihan seperti dapat mencari jejak, mencium bau, tidur tidak pernah nyenyak, dapat menjaga sesuatu benda serta pintar. Ia dapat menerima ajaran yang tidak dapat dipelajari haiwan lain.<sup>134</sup>

#### **1.3.5.4 Ancaman Anjing**

Isu membabitkan anjing sering kali diputarakan media dalam dan luar negara dan membimbangkan semua pihak. Kehadiran anjing liar dan anjing terbiar berkeliaran menyelongkar tong sampah mencari sisa makanan misalnya telah mengganggu ketenteraman awam. Ini diburukkan lagi dengan salakan anjing yang bingit selain turut mengejar dan menggigit orang ramai yang lalu lalang sekitar taman perumahan.

Di kawasan kampung, seringkali terdengar rungutan penduduk yang kurang selesa kerana perlu berdepan dengan bunyi bising salakan dan risiko haiwan ternakan dikejar anjing berkeliaran. Masalah ini timbul apabila anjing yang datang dari kawasan berdekatan kelaparan kerana tidak diberi makan oleh tuannya. Akibatnya, orang kampung menanggung kerugian dan merasa tidak selamat kerana bimbang dcederakan anjing serta dijangkiti penyakit anjing gila.<sup>135</sup>

---

<sup>133</sup> Marion Nestle dan Malden C. Nesheim, *The Authoritative Guide to Feeding your Dog and Cat, Feed your Pet Right* (New York: Free Press, 2010), 327.

<sup>134</sup> Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥh al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 204.

<sup>135</sup> Impak gangguan haiwan ini bukan sahaja merbahaya, malah mampu menyebarkan penyakit rabies. Mohamad Daniah Mohamad Saad, “Utara: Anjing geledah sampah”, Berita Harian Online dicapai pada 2 September 2010, [http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Utara\\_Anjinggeledahsampah/Article](http://www.bharian.com.my/bharian/articles/Utara_Anjinggeledahsampah/Article).

### 1.3.6 Ular

Ular (الْحَيَّة) atau dalam istilah Inggeris, 'snake' didefinisikan sebagai haiwan menjalar tidak berkaki, bergigi halus, lidah bercabang, kulit bersisik dan berbadan panjang.<sup>136</sup>

#### 1.3.6.1 Ciri-Ciri Biologi Ular

Ular merupakan reptilia karnivor berdarah sejuk yang berkait rapat dengan mengkarung (*lizard*) dan berkongsi aturan biologi *squamata* (haiwan reptilia bersisik) yang sama. Ular suka hidup bersendirian dan mempunyai variasi warna mengikut spesies.

Ular tidak memiliki daun dan gendang telinga. Deria penglihatannya juga buruk. Ular hanya boleh melihat objek dengan jelas apabila berdekatan. Sisik lembut pada perut dan lidah bercabang<sup>137</sup> menjadi deria sebenar ular untuk mengesan getaran mangsa.<sup>138</sup>

Jika dilihat struktur badan ular, ia mempunyai ruas tulang belakang lentur yang terdiri dari kira-kira 400 vertebra. Semua vertebra dalam ular mempunyai sepasang tulang rusuk kecuali bahagian ekor. Bahagian bawah tulang rusuk tidak bersambung dan dapat meregang ketika ular menelan mangsa yang lebih besar. Sambungan rahang yang kendur membolehkan mulut ular terbuka lebar sehingga 180 darjah. Kulitnya yang bersisik halus bertindak sebagai lapisan tahan air untuk mengekalkan kelembapan badan.<sup>139</sup>

---

<sup>136</sup> Snake is "a type of long thin animal with no legs that slides along the ground by moving its body from side to side". Dr. Keith Brown et al., *Oxford Student's Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 603.

<sup>137</sup> Semua ular memiliki lidah bercabang. Ia menggunakan lidah sebagai sensor untuk mengesan partikel bau di udara. Dari partikel udara tersebut, ular akan dapat mengesan mangsanya. Wong Comic, *Rahasia Ular*, (Jakarta: PT Elex Media Komputindo, 2010), 11.

<sup>138</sup> Khairul Amri dan Toguan Sihombing, *Mengenal dan Mengendalikan Predator Benih Ikan* (Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, t.t.), 31.

<sup>139</sup> Steve Setford, *Snake and Other Reptiles*, terj. Evy Ayu Erida (2005), Indonesia: Penerbit Erlangga, 2005), 13.

### 1.3.6.2 Spesies Ular

Spesies ular terbagi kepada dua, yaitu berbisa dan tidak berbisa. Ular berbisa merupakan spesies paling ditakuti. Ular berbisa kebiasaannya dari keluarga *colubridae*, tetapi bisa yang dihasilkan adalah lemah. Jenis ular dalam keluarga ini adalah ular sapi (*zaocys carinatus*), ular tali (*dendrelaphis pictus*), ular tikus (*pytyas korros*) dan ular serasah (*sipynopsis geminatus*).<sup>140</sup>

Ular yang mempunyai bisa yang kuat adalah dari keluarga *elapidae*, *hydrophiidae* atau *viperidae*. Ular dari keluarga *elapidae* secara dasarnya mempunyai taring pendek dan tegak. Misalnya ular cabai (*maticora intestilanis*), ular weling (*bungarus candidus*), ular senduk (*naja sumatrana*) dan tedung selar (*ophiopagus hannah*).

Ular daripada keluarga *viperidae* mempunyai sepasang taring panjang yang dapat dilipat ke bahagian rahang atas dan dapat menegak bila menyerang mangsa. Misalnya ular tanah (*calloselasma rhodostoma*), ular bandotan (*vipera russelli*), ular bangkai laut (*trimeresurus albolabris*) dan ular kapak.<sup>141</sup>

Spesies ular terbesar ialah ular anaconda hijau (*green anaconda*) yang hidup dalam sungai Amazon di hutan hujan Brazil. Beratnya boleh mencapai 100 kilogram, sama berat dengan seekor babi hutan besar dan sepanjang sebuah bas.<sup>142</sup>

### 1.3.6.3 Tabiat Ular

Ular boleh hidup dalam habitat yang pelbagai. Ia boleh tinggal di kawasan padang rumput, padang pasir, sawah, bukit bukau, pulau dan hutan.<sup>143</sup> Ular memiliki selera

---

<sup>140</sup> Wong Comic, *Rahasia Ular* (Jakarta: PT Elex Media Komputindo, 2010), 12.

<sup>141</sup> *Perlaksanaan Akibat Keracunan Ular Berbisa* (Jakarta: Sentra Informasi Keracunan Nasional (SIKer Nas), t.t.), pdf, 1-2.

<sup>142</sup> Jhon Farndon, *Ensiklopedia Mini Hewan* (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2004), 9.

<sup>143</sup> James R. Dixon dan John E. Werler, *Texas Snake: A Field Guide* (Texas: University of Texas Press, t.t.), 189-190.

makan yang besar. Dilengkapi senjata unik berupa gigi dan taring tajam seumpama pisau cukur, ia makan semua jenis haiwan tidak kira kecil atau besar, malah manusia.<sup>144</sup>

Ular boleh bergerak pantas. Ini membolehkan ia mengejar mangsa seperti tikus, cicak dan mengkarung. Apabila ular dapat menangkap mangsa, ia akan membelit sehingga lemas atau menyuntik bisa untuk melumpuhkan mangsa. Seterusnya menelan mangsanya secepat mungkin dan cecair khas dalam perutnya akan membantu menghadamkan keseluruhan mangsa.<sup>145</sup>

Bagi menghangatkan tubuh dan membantu kelancaran pencernaan, ular kerap berjemur bawah sinar matahari. Ular berkembang biak dengan cara bertelur. Kebiasaannya, bilangan telur yang dihasilkan sekitar puluhan biji. Namun, ada yang mencecah ratusan.<sup>146</sup>

#### **1.3.6.4 Ancaman Ular**

Ular merupakan haiwan liar berbahaya.<sup>147</sup> Bisanya berupaya membawa maut<sup>148</sup> di samping belitan kuat yang melumpuhkan mangsa.<sup>149</sup> Ular dianggap sebagai musuh yang boleh menyebabkan kematian. Terdapat banyak jenis ular yang memiliki bisa yang boleh menyebabkan kematian apabila dipatuk. Dalam waktu singkat, mangsa berkemungkinan mati atau lumpuh anggota badan.<sup>150</sup>

---

<sup>144</sup> Richard Shine, *Australian Snakes: A Natural History* (New York: Cornell University Press, 1995), 146-148.

<sup>145</sup> Khairul Amri dan Toguan Sihombing, *Mengenal dan Mengendalikan Predator Benih Ikan*, Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama, 31, dan Roger Avery et al., *International Wildlife Encyclopedia*, 3<sup>rd</sup> Ed. (New York: Marshal Cavendish Corporation, 2002), 2919-2920.

<sup>146</sup> Wong Comic, *Rahasia Ular*, 14.

<sup>147</sup> Azhar Mohammad, *Makalah Pengantar Identifikasi dan Penanganan Ular Indonesia* (Jakarta: Penerbit Hikmah PT Mizan Publika, 1999), 165.

<sup>148</sup> "Mangsa Sesat Maut Dipatuk Ular" bertarikh 15 September 2012, laman sesawang akhbar *Sinar Harian Online*, dicapai pada 9 Mac 2013, <http://www.sinarharian.com.my/semasa/mangsa-sesat-maut-dipatuk-ular-1.85175>.

<sup>149</sup> Ahzami Samiun Jazuli, *Kehidupan Dalam Pandangan Al Qur'an* (Jakarta: Gema Insani Press, 2006), 101.

<sup>150</sup> *Ibid.*, 101.

Bisa ular dikategorikan kepada dua jenis, *neurotoxin* dan *hemotoxin*. *Neurotoxin* adalah racun yang melumpuhkan sistem pernafasan dan merosakkan fungsi otak. *Hemotoxin* adalah racun yang merosakkan sel-sel sehingga darah menggumpal dan berakhir dengan kematian.<sup>151</sup> Bisa ular juga mengandungi pelbagai enzim berbahaya. Terdapat dua puluh jenis enzim pada bisa ular dan enzim tersebut berbeza-beza mengikut spesies.<sup>152</sup>

### 1.3.7 Cicak

Cicak menurut istilah bahasa Arab disebut *al-wazagh*.<sup>153</sup> Manakala menurut kamus Oxford, cicak bermaksud “*lizard, a small reptile with four legs, dry skin and a long tail.*”<sup>154</sup>

#### 1.3.7.1 Ciri-Ciri Biologi Cicak

Cicak mempunyai bentuk badan seakan-akan biawak, namun bersaiz lebih kecil.<sup>155</sup> Badannya diselaputi kulit bersisik kalis air<sup>156</sup> dan perlu berjemur di bawah cahaya matahari untuk mengumpul tenaga. Pada hari ini, terdapat empat kumpulan reptilia iaitu kura-kura, cicak, ular dan buaya.<sup>157</sup> Cicak merupakan pemakan serangga dan memiliki

---

<sup>151</sup> Rujuk lebih lanjut *World's Deadliest: Snake*, laman sesawang Youtube.com, dicapai pada 10 Mac 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=M93BMbbgnSY>.

<sup>152</sup> Mohamad Solihin Bin Adnan, “Kepercayaan Mistik Masyarakat Melayu Terhadap Karakteristik Ular Dan Kaitannya Menurut Perspektif Al-Quran dan Sains” (Kertas Projek Sarjana Muda Usuluddin Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012), 32.

<sup>153</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.), 5: 4826.

<sup>154</sup> “Cicak merupakan sejenis haiwan reptilia yang kecil, mempunyai kulit yang kering dan bersisik halus serta mempunyai ekor yang panjang.” Kamus *Oxford Student's Dictionary of English* (New York: Oxford University Press, 2001), 386.

<sup>155</sup> Neti Lim et al., *Seni Panduan Belajar dan Evaluasi: Ilmu Pengetahuan Alam* (Jakarta: Pt Gramedia Widiasarana Indonesia, 2006), 3.

<sup>156</sup> *Estidotmy*, keluaran 25 Disember 2002, 11: 25.

<sup>157</sup> Marie Farre, *Haiwan Prasejarah*, Johor: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd, 1995), 10.

lidah panjang<sup>158</sup> untuk menangkap mangsa. Dengan sekali juluran lidah, mangsa akan melekat dan terus dimakan.<sup>159</sup>

Cicak di kawasan gurun mempunyai satu ciri unik, iaitu berupaya menyingkirkan lebih garam melalui hidung. Berikutan cuaca panas melampau, kelebihan ini membuatkan cicak hanya menyingkirkan sedikit air dari tubuh, tidak seperti haiwan lain yang menyingkirkan lebih garam dengan air kencing.<sup>160</sup>

Ciri-ciri khusus cicak rumah<sup>161</sup> ialah mampu menempel di atas permukaan rata yang tegak seperti di dinding atau langit rumah. Cicak dapat memanjat walaupun di atas kaca dengan bantuan mangkuk-mangkuk perekat yang berada di hujung jari kaki. Malah cicak dapat mengatur jumlah perekat yang dirembeskan. Oleh demikian, cicak dapat bergerak tanpa jatuh.<sup>162</sup>

### 1.3.7.2 Spesies Cicak

Istilah cicak secara amnya meliputi semua spesies cicak, dari cicak kecil sehinggalah biawak monitor sebesar buaya sekaligus membentuk kumpulan reptilia yang besar. Gecko merupakan spesies cicak besar yang sering ditemui di kawasan hutan tropika Indonesia dan Malaysia. Ia menjadi tumpuan kerana memiliki bentuk rupa menarik.<sup>163</sup>

---

<sup>158</sup> *Ibid.*, 4-5.

<sup>159</sup> Neti Lim et al., *Seni Panduan Belajar dan Evaluasi, Ilmu Pengetahuan Alam* (Jakarta: Pt Gramedia Widiasarana Indonesia, 2006), 3.

<sup>160</sup> *1001 Perkara Kamu Patut Tahu Tentang Cuaca* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, t.t.), 34.

<sup>161</sup> Azmah Nordin, *Buaya Tembaga* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Dan Buku Malaysia Berhad, 2012), 194.

<sup>162</sup> Eli Sulistyanto dan Edy Wiyono, *Ilmu Pengetahuan Alam* (Indonesia: Pusat Perbukuan Departemen Pendidikan Nasional, 2008), 4, dan Neti Lim, et al., *Seni Panduan Belajar dan Evaluasi, Ilmu Pengetahuan Alam* (Jakarta: Pt Gramedia Widiasarana Indonesia), 3.

<sup>163</sup> Antara spesies cicak yang sering dijumpai di Malaysia ialah cicak tembok (*cosymbotus platyurus*) Ianya sering ditemui di tembok-tembok dan atap rumah. Cicak ini bertubuh pipih lebar, berekor lebar dengan bintik-bintik halus di tepinya. Dari sisi bawahnya, akan terlihat adanya lipatan kulit yang agak lebar di sisi perut dan di belakang kaki. Selain itu, cicak kayu (*hemidactylus frenatus*). Ia bertubuh lebih kurus. Ekornya bulat, dengan enam tonjolan kulit yang menyerupai duri, yang memanjang dari pangkal ke hujung ekor. Cicak kayu lebih menyukai tinggal di pohon-pohon di halaman rumah, atau di bahagian rumah yang berkayu seperti di atap. Ia sering dijumpai bersama spesies cicak tembok. Seterusnya cicak gula (*gehyra mutilata*). Bertubuh lebih kecil, dengan kepala membulat dan warna kulit yang menyerupai warna daging. Cicak ini kerap ditemui di sekitar dapur, bilik mandi dan almari makanan. Ia suka makan butir-butir nasi atau gula yang menjadi kesukaannya.

Termasuk spesies lain cicak ialah *gila monster*, mengkarung pasir, biawak pasir, cicak terbang, biawak monitor Nil, cicak basilisk<sup>164</sup> dan cicak rumah.<sup>165</sup> Spesies cicak paling besar adalah biawak komodo sepanjang tiga meter yang hidup di Asia Tenggara dan berupaya menangkap babi hutan dan rusa sebagai makanan.<sup>166</sup>

### 1.3.7.3 Tabiat Cicak

Cicak tinggal di semua tempat termasuk kawasan gurun, hutan hujan tropika, persisiran pantai malah di rumah-rumah, di mana makanan mudah didapati dan selamat untuk bertelur. Majoriti daripada 4500 spesies cicak hidup di kawasan hutan tropika.<sup>167</sup> Cicak membiak dengan cara bertelur.<sup>168</sup>

Makanan kegemaran cicak berupa nyamuk, kelkatu, dan kupu-kupu. Terdapat juga spesies cicak yang makan buah-buahan dan cacing tanah.<sup>169</sup> Apabila diancam, cicak akan memutuskan ekor untuk menyelamatkan diri dari pemangsa. Kemampuan ini disebut *autotomi*.<sup>170</sup> Bagi spesies cicak lain, apabila berada dalam bahaya, kebanyakannya akan mendesis, mengembungkan badan dan menegakkan badan atau menyerang dengan kuku.<sup>171</sup>

---

<sup>164</sup> Cicak *basilisk* cukup dikenali dengan keunikannya dapat berlari merentasi permukaan air. Ia mampu berlari atas permukaan air sejauh 4.5 meter (15 kaki). Cicak basilisk berlari dengan menggunakan kaki belakangnya, mengangkat badan serta ekornya yang bertindak selaku penimbang. Stephanie Fitzgerald, *Hutan Terpencil* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2010), 16.

<sup>165</sup> Cicak rumah adalah haiwan reptilia yang biasa merayap di dinding rumah atau pokok-pokok. Cicak jenis ini biasanya berwarna keabu-abuan, akan tetapi, ada juga yang berwarna coklat kehitam-hitaman. Cicak ini juga berukuran sekitar sepuluh sentimeter sahaja. Steve Parker, *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan*, 22.

<sup>166</sup> *Ibid.*, 22.

<sup>167</sup> Steve Parker, *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan* (Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, 2011), 22.

<sup>168</sup> Jaka Wismono dan Riyanto, *Gembira Belajar Sains* (Indonesia: Grasindo, 2004) 37.

<sup>169</sup> *Ibid.*, 22.

<sup>170</sup> Cicak memutuskan ekornya untuk mengaburi pemangsanya. Autotomi adalah cara mempertahankan diri dari serangan pemangsa. Reptilia adalah antara kelompok haiwan yang diketahui mempunyai kemampuan autotomi. Apabila reptilia seperti cicak ditangkap oleh pemangsanya, ia akan memutuskan ekornya secara tiba-tiba. Ekor yang telah terpisah dari tubuhnya itu akan bergerak-gerak dan membingungkan pemangsa. Beberapa jenis haiwan lain yang mempunyai kemampuan autotomi adalah kepiting, udang, bintang laut, dan sotong kurita. Haiwan-haiwan ini seringkali memutuskan tentakel atau kaki untuk melepaskan diri dari pemangsa. Lela Fony Sulistyowati dan Dodo Hermana, *Ayo Belajar Ilmu Pengetahuan Alam IPA* (Yogyakarta: Penerbit Kanisius, 2009), 5.

<sup>171</sup> Steve Parker, *Mari Berseronok dengan Ensiklopedia Haiwan*, 22.

### 1.3.7.4 Ancaman Cicak

Perkara paling dibenci tentang cicak adalah tabiatnya yang suka membuang najis merata-rata. Ini menyebabkan gangguan pada manusia. Najis cicak realitinya mengandungi bakteria berbahaya iaitu '*escherichia coli*'. *E-coli* merupakan bakteria yang dikaitkan dengan keracunan makanan yang menyebabkan sakit perut. Najisnya juga mampu merosakkan skrin telefon bimbit.

Salah satu lagi bahaya bawaan cicak adalah jangkitan '*salmonellosis*'. *Salmonellosis* adalah penyakit berjangkit dan boleh memberi kesan buruk dalam waktu singkat. Jangkitan '*salmonella*' mudah tersebar dan mencemari hampir semua jenis makanan seperti daging, sayur-sayuran, bijirin dan air.<sup>172</sup>

Bakteria ini menular dengan cara sentuhan dan tersebar melalui orang yang memegang atau makan makanan tercemar.<sup>173</sup> Serangan *salmonellosis* amat berbahaya kerana boleh memusnahkan sistem imuniti badan seterusnya menyebabkan masalah dehidrasi ekstrim dan kematian, terutama kepada kanak-kanak dan golongan tua yang memiliki sistem imuniti badan yang lemah.<sup>174</sup>

## 1.4 PERKAITAN HAIWAN FASIQ DENGAN HAIWAN PEROSAK<sup>175</sup>

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Haiwan perosak juga bererti haiwan yang jahat. Manusia seperti golongan petani tidak suka

---

<sup>172</sup> *Adipedia.com*, dicapai pada 8 Mac 2013, <http://www.adipedia.com/2011/03/waspada-bahaya-bakteri-salmonella.html>.

<sup>173</sup> *Ibid.*

<sup>174</sup> *Ibid.*

<sup>175</sup> Data lebih padat dan menyeluruh berkaitan hubungan haiwan fasiq dan haiwan perosak boleh dilihat pada perbincangan pendekatan dan interaksi terhadap haiwan fasiq menurut hadith Nabi SAW dalam bab kedua.



dengan haiwan perosak dan ia dibunuh dengan penggunaan racun.<sup>176</sup> Melihatkan kepada takrifan secara asas, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Namun, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih meluas. Para ulama menggunakan istilah haiwan fasiq kerana disabdakan Nabi SAW. Kelompok haiwan fasiq ini tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja.<sup>177</sup> Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori “*haiwan fasiq*”.<sup>178</sup>

Para ulama turut bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai fasiq untuk mengisyaratkan gelaran “*fasiq*” kepada semua haiwan yang mengganggu manusia dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan gagak dan helang untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu manusia dengan menyambar seperti helang dan bersikap pengotor seperti gagak pemakan bangkai.

Manakala permisalan anjing ‘*aqūr*’ menunjukkan sifat fasiq haiwan yang menyerang dengan gigitan taringnya seperti serigala dan singa.<sup>179</sup> Sebutan “*aqrab*” (kala jengking) untuk menunjukkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun seperti ular, lipan, lebah dan sebagainya. Kesimpulannya, semua haiwan yang memiliki sifat-sifat yang ditonjolkan ketujuh-tujuh jenis haiwan fasiq adalah tergolong dalam kalangan haiwan yang harus dibunuh.<sup>180</sup>

---

<sup>176</sup> Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 20 September 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+perosak>

<sup>177</sup> Iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing.

<sup>178</sup> Pendapat ini juga disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali. Lihat Ibn Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207-208.

<sup>179</sup> *Ibid.*, 10: 208-209.

<sup>180</sup> Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulieman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 526-532.

Hal ini kerana haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman. Jadi, istilah haiwan perosak tidak berbeza dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanyalah istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari<sup>181</sup> demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam.

## **1.5 IMPAK HAIWAN FASIQ KEPADA MANUSIA**

Haiwan fasiq (haiwan perosak) membawa impak negatif kepada manusia. Kesan negatif bawaan kelompok haiwan perosak ini telah dibahagikan kepada beberapa aspek iaitu:

### **1.5.1 Gangguan Dan Ancaman Fizikal**

Burung gagak dan anjing liar adalah haiwan fasiq (haiwan perosak) yang dibenci. Kedua spesies haiwan perosak ini tinggal berdekatan kawasan berpenduduk. Gagak ialah burung yang terkenal mempunyai suara cukup nyaring, seringkali menggamit suasana sekitar kawasan dihinggapinya sehingga mengganggu aktiviti seharian penduduk.

Anjing liar pula sering mengejar manusia meskipun tidak diganggu. Tong sampah turut menjadi mangsa selongkaran sehingga mengakibatkan pencemaran alam sekitar. Ini diburukkan lagi dengan penularan virus '*anjing gila*' yang boleh membawa

---

<sup>181</sup> Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin 'Abd al-Raḥīm al-Mubārak Fūrī, *Tuḥfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (t.t.p., Dār al-Fikr lil Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 3: 576.

maut.<sup>182</sup> Burung helang juga dilaporkan pernah cuba menyambar bayi yang bermain di taman untuk dijadikan santapan.<sup>183</sup>

### 1.5.2 Kesihatan

Tikus merupakan penyebar utama masalah kesihatan. Bagi tikus sahaja, ia mampu menyebarkan tiga puluh jenis penyakit kepada manusia.<sup>184</sup> Dalam perniagaan berasaskan makanan, kewujudan tikus boleh menyebabkan sesebuah premis disita kerana melanggar akta keperluan kesihatan dan keselamatan. Selain itu, haiwan seperti gagak dan anjing liar yang suka menggeledah sampah sarap turut berperanan dalam penyebaran wabak.

Najis yang dikeluarkan haiwan perosak seperti cicak turut mengandungi bakteria berbahaya ‘*e-coli*’. Bakteria *e-coli* dikaitkan dengan keracunan makanan yang menyebabkan sakit perut.<sup>185</sup> Satu lagi penyakit bawaan cicak adalah jangkitan ‘*salmonellosis*’. Ia mampu membawa maut dalam waktu singkat.<sup>186</sup>

### 1.5.3 Kematian

Selain penyebaran wabak oleh tikus dan cicak yang oleh membawa maut, bisa dan sengatan haiwan perosak juga merbahaya. Ular tedung selar contohnya mempunyai bisa yang mampu membunuh seekor gajah dewasa dalam tempoh kurang dari tiga jam dan

---

<sup>182</sup> Metro Online, “Lihat Darah Memancut”, bertarikh 1 November 2013, *My Metro.com*, dicapai pada 15 Februari 2014, [http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Lihatdarahmemancut//Article/index\\_html](http://w1.hmetro.com.my/myMetro/articles/Lihatdarahmemancut//Article/index_html).

<sup>183</sup> “Helang cuba sambar bayi”, laman sesawang Youtube.com, dicapai pada 12 Mac 2013, [http://www.youtube.com/watch?v=KBJDZ\\_iL9V8](http://www.youtube.com/watch?v=KBJDZ_iL9V8).

<sup>184</sup> Jhon Farndon, *Ensiklopedia Mini Hewan* (Indonesia: Penerbit Erlangga, 2004), 117.

<sup>185</sup> “Haiwan Eksotik Ancam Si Comel”, bertarikh 15 Oktober 2008, laman sesawang Kosmo Online, dicapai pada 15 Januari 2014, [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=1015&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke\\_01.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2008&dt=1015&pub=Kosmo&sec=Kesihatan&pg=ke_01.htm)

<sup>186</sup> *Adipedia.com*, dicapai pada 8 Mac 2013, <http://www.adipedia.com/2011/03/waspada-bahaya-bakteri-salmonella.html>.

manusia dalam tempoh kurang  $\frac{3}{4}$  jam. Ular tedung selar juga boleh memancarkan bisanya sejauh dua meter bertujuan untuk membutakan mata lawan dan mangsa.<sup>187</sup>

Di negara-negara yang menjadi habitat semulajadi haiwan berbisa sering kali dilaporkan kes-kes kematian akibat patukan ular berbisa dan sengatan kala jengking. India merupakan negara yang paling banyak mencatatkan kematian akibat patukan ular.<sup>188</sup> Kebanyakan gigitan ular berlaku apabila orang ramai tidak mengenakan alas kaki atau mengganggu ular secara tidak sengaja. Korban gigitan ular paling tinggi adalah golongan petani, pekebun, pemburu, penangkap ular, pawang ular dan nelayan.<sup>189</sup>

Di Amerika Syarikat, terdapat 26 jenis kala jengking yang dianggap berbahaya bagi manusia, iaitu dari spesies *centruroides exilicauda* dan 25 jenis lain yang dikenal pasti berpotensi memberi maut. Spesies kala jengking berbahaya di Afrika Utara dan Timur Tengah adalah jenis *androctonus*, *buthus*, *hottentotta*, *leiurus*), Amerika Selatan (*tityus*), India (*mesobuthus*), and Mexico (*centruroides*). Angka kematian akibat sengatan kala jengking adalah sekitar 4 % dan kebanyakan mangsa adalah kanak-kanak.<sup>190</sup>

#### 1.5.4 Kerugian Industri Komersial

Helang dikenal sebagai haiwan yang suka penyerang senyap.<sup>191</sup> Pernah dilaporkan penternak ayam mengalami banyak kerugian apabila helang sering menyambar anak-anak ayam peliharaan. Manakala penternak kambing di wilayah Isle of Mull, West

---

<sup>187</sup> Genevieve De Becker, *L'Atlas Des Animaux*, terj. Rosana Hariyanti et al., (Solo: Penerbit Tiga Serangkai Pustaka Mandiri, 2006), 50.

<sup>188</sup> Lihat lebih lanjut "World's Deadliest: Snake", laman sesawang Youtube.com, dicapai pada 10 Mac 2013, <http://www.youtube.com/watch?v=M93BMbbgnSY>.

<sup>189</sup> "Memandu Selepas Dipatuk Ular", bertarikh 15 Februari 2013, laman sesawang *Sinar Harian Online*, dicapai pada 9 Mac 2013, <http://www.sinarharian.com.my/edisi/perak/memandu-selepas-dipatuk-ular-1.131367>.

<sup>190</sup> Paula Hammond, *The Atlas of the World Most Dangerous Animals* (New York: Amber Book Limited, 2004), 20-21.

<sup>191</sup> Mohd Rasdi bin Saamah, *Unsur Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Suku Kaum Semai* (Pahang: IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan, t.t.), 7.

Coast, Scotland turut melaporkan bahawa helang-helang sekitar merugikan para penternak kambing tempatan dengan menyambar kambing-kambing untuk dijadikan makanan.

Dalam industri pertanian, kerosakan terhadap hasil tanaman pernah mencecah sehingga 90% semasa serangan tikus secara besar-besaran ke atas hasil padi Filipina. Tikus bukan sahaja memakan hasil tanaman malah mencemarkan gudang penyimpanan makanan dengan najis, air kencing dan bulunya.<sup>192</sup>

### **1.5.5 Kemusnahan Harta Benda**

Haiwan perosak adalah haiwan yang suka melakukan kemusnahan harta benda. Misalnya, tikus-tikus yang menyerang gudang penyimpanan makanan secara tidak langsung merosakkan peralatan gudang, barang-barang bungkusan serta struktur bangunan. Tikus merosakkan paip-paip serta menggigit wayar-wayar elektrik yang akhirnya menyebabkan litar pintas. Lubang-lubang dalam bangunan atau tanah menyebabkan struktur bangunan, jalan raya atau saluran perparitan mendap atau runtuh.<sup>193</sup>

Dilaporkan tikus pernah menyebabkan gangguan operasi ke atas sistem pesawat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Gangguan tersebut menyebabkan gangguan pada sistem komputer utama lapangan terbang berkenaan.<sup>194</sup>

---

<sup>192</sup> Razlina Binti Raghazli, "Beberapa Aspek Biologi dan Ekologi Tikus Wirok Ekor Pendek (*Bandicota Bengalensis*) Di Pulau Pinang" (Tesis Sarjana Sains (Zoologi), Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang, 2008), 5.

<sup>193</sup> *Ibid.*, 5.

<sup>194</sup> *Ibid.*, 6-7.

## 1.6 PENUTUP

Daripada keseluruhan bab pertama, pengkaji telah menghimpunkan kesemua fakta berkenaan makna fasiq dari sudut bahasa dan istilah, perkaitan antara fasiq dan haiwan, pandangan ulama *mu'tabar* terhadap kelompok haiwan fasiq dan penerangan terhadap setiap spesies. Di samping itu, pengkaji turut memuatkan perkaitan haiwan perosak dengan haiwan fasiq dan kesan haiwan fasiq (haiwan perosak) kepada manusia.

Daripada perbahasan ini, haiwan–haiwan fasiq seperti ular, tikus, helang, cicak, kala jengking, anjing dan ular merupakan haiwan yang mempunyai tabiat kelakuan buruk dan merbahaya. Setiap haiwan membawa unsur kerosakan berbeza. Islam membolehkan kelompok haiwan fasiq ini dibunuh kerana kefasikannya (sifat melampaui batas) atas dasar membawa kerosakan, kemusnahan dan kesan negatif kepada manusia. Hal ini demi menjaga kemaslahatan umat Islam dari segenap aspek *mafsadah*.